



JULAI - DISEMBER 2024 EDISI 2

BULETIN PENGGARAM

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT مجلس قمر بندمرن با توفهت



m/s 13

Cuci Malaysia 2024



m/s 20

Anugerah Bandar Mampan



m/s 7

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67
Peringkat Daerah Batu Pahat
Malaysia Madani: Jiwa Merdeka



m/s 6

Konvoi Jalur Gemilang 2024



Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim

Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mppb.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999



BANDAR PENGGARAM BANDAR RENDAH KARBON 2030

Isi Kandungan

m/s

- 03 • DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS PESISIRAN SUNGAI BATU PAHAT
• BELANJAWAN TAHUN 2025 MPBP
- 04 • PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2024
• OPS TUNDA KENDERAAN BURUK DAN TERBIAR
- 05 • TOWNHALL PELUASAN KAWASAN BERCUKAI
• OPS WARGA ASING
- 06 • MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KAWASAN PERINDUSTRIAN (IPMC) PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT BIL.2 TAHUN 2024
• KONVOI JALUR GEMILANG 2024
- 07 • SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT MALAYSIA MADANI : JIWA MERDEKA
- 08 • KECERIAAN MERDEKA 2024
• LIBAT URUS PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030
- 9 & 10 • EKSPEDISI 7 PUNCAK MERDEKA
- 11 • SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DAERAH BATU PAHAT
• PELANCARAN YOK BP CRUISE DI JETI ANJUNG SHAHBANDAR
- 12 • PENUTUP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN MPBP BAGI TAHUN 2023
• SESI LIBAT URUS TRANSFORMASI RUANG AWAM
- 13 • CUCI MALAYSIA 2024
• PEKERJA CONTOH BULANAN
- 14 • ORANG MUDA BP
• TAKLIMAT SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM
- 15 • SESI 'CLOCK-IN' SETIAUSAHA MPBP
• OPERASI BERSEPADU
- 16 & 17 • EKSPEDISI 7 PUNCAK MERDEKA
- 18 • PEMUTIHAN UBAHAN TAMBAHAN RUMAH KEDIAMAN KAWASAN PENTADBIRAN MPBP
• PROGRAM RAPATKAN SAF 2.0 DAERAH BATU PAHAT
- 19 • LAWATAN YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
- 20 • MAJLIS IKATAN KASIH TAUTAN BUDI
• ANUGERAH BANDAR MAMPAN
- 21 • 'TOURISM BP'
• HARI BEBAS KENDERAAN, SV FUN RUN & SEMARAK SUBUH
- 22 • PELANCARAN TOURISM BATU PAHAT
• APLIKASI JOMPARKING, KIOS LAYAN DIRI DAN KAUNTER PANDU LALU TANPA TUNAI MPBP
- 23 • SEJENAK DI BILIK YDP
- 24 & 25 • PERHIMPUNAN BULANAN
- 26 - 29 • KURSUS DAN LAWATAN
- 30 & 31 • GERAK MESRA AHLI MAJLIS MPBP
- 32 • SUKAN DAN REKREASI
- 33 & 34 • YAYASAN MAKMUR
- 35 • APA ADA DI BATU PAHAT
- 36 • PEMBAYARAN CUKAI HARTA

Sidang Redaksi

PENAUNG

En.Ezahar bin Abu Sairin
(Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat)

PENASIHAT

En.Abd Razak Bin Ithnain
(Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat)

KETUA EDITOR

En.Muhamad Zulkarnain Bin Alias
(Ketua Unit Perhubungan Awam Dan Korporat)

SIDANG PENGARANG

En.Ahmad Izzul Fikri Bin Ahmad Nizam
Pn.Rohayu binti kusni
Pn.Siti Nurul Azlin Binti Ropie

REKA GRAFIK

Unit Perhubungan Awam Dan Korporat

FOTOGRAFI

En.Ahmad Izzul Fikri Bin Ahmad Nizam
Pn.Rohayu binti kusni
Pn.Siti Nurul Azlin Binti Ropie

Sidang Redaksi Buletin Penggaram amat mengalu-alukan sumbangan idea dan penulisan daripada warga kerja dan orang awam dalam idea penerbitan Buletin Penggaram. Sebarang idea boleh dikemukakan ke :

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT,
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
TEL : 07-439 6826 / 07-439 6828



Draf Rancangan Kawasan Khas Pesisiran Sungai Batu Pahat

08 JULAI 2024 • Mesyuarat Jawatankuasa Siasat Tempatan dan Pendengaran (JSTP) Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pesisiran Sungai Batu Pahat telah diadakan di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14, Menara MPBP, Majlis Perbandaran Batu Pahat yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukur, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Mesyuarat yang diadakan ini bagi mendengar dan membuat pengesyoran ke atas pandangan dan bantahan-bantahan yang dikemukakan oleh orang awam yang melibatkan sebanyak 14 bantahan.



Belanjawan Tahun 2025 MPBP

16 Julai 2024 • Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan 2025 MPBP dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Delima, Tingkat 14, Menara MPBP dan telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Kamalludin Bin Haji Jamal, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor, Pejabat Kewangan Negeri Johor. Mesyuarat turut dihadiri oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP, Encik Abdul Karim bin Haji Bakar, Setiausaha MPBP, Cik Azyan Hamizah binti Burhan, Akauntan SUK Johor Bahagian Kerajaan Tempatan, Puan Nur Erleta binti Abu Samah Penolong Setiausaha Kanan dari SUK Johor Bahagian Sumber Manusia, Pihak Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor dan Ketua-ketua Jabatan MPBP. Semoga hasil pembentangan Belanjawan Tahun 2025 akan mendapat perhatian kelulusan pihak Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor untuk pelaksanaan tahun 2025.



Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024

6 Ogos 2024 • Sesi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Bilik Mesyuarat Aras 14, Majlis Perbandaran Batu Pahat. Panel penilai telah diketuai oleh Encik Marthadan a/I Yathamaniam, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan. Sebanyak 4 kriteria utama dan 17 sub-kriteria telah dinilai oleh pasukan inspektorat KPKT yang merangkumi aspek Pengurusan Organisasi, Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras (Core), Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.



Ops Tunda Kenderaan Buruk Dan Terbiar

15 Ogos 2024 • Jabatan Penguatkuasaan MPBP telah melaksanakan 'Ops Tunda' di beberapa kawasan pentadbiran MPBP iaitu Taman Universiti Parit Raja, Taman Ria, Taman Gading, Taman Sri Senggarang dan Taman Rengit Bahagia. Mana-mana kenderaan yang tidak diselenggara dan terbiar di tempat awam boleh ditunda mengikut peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Sebanyak 8 buah kenderaan terbiar telah diberikan Notis Amaran untuk memindah halangan tersebut namun Notis Amaran gagal dipatuhi oleh pemilik kenderaan tindakan tunda kenderaan telah di ambil oleh Jabatan Penguatkuasaan.





Townhall Peluasan Kawasan Bercukai

18 Ogos 2024 • Sesi townhall peluasan Kawasan bercukai Bersama pemimpin masyarakat dihadiri Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Ehwal Agama Islam Negeri Johor merangkap Adun Semerah, Penghulu Simpang Kanan dan Kiri, Penghulu Peserai, Ketua-ketua Kampung dan wakil penduduk. Sesi townhall bertujuan memberi maklumat awal kepada pemimpin masyarakat berkenaan peluasan Kawasan cukai baru dan kepentingan cukai taksiran. Taklimat di sampaikan oleh Puan Sr. Mastura binti Othman, ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.



OPS Warga Asing

18 Ogos 2024 • Jabatan penguatkuasa dan Pelesenan Majlis Perbandaran Batu Pahat bersama agensi luar (PDRM, Imigresen, Kastam, KPND Batu Pahat dan) telah melaksanakan operasi warga asing di sekitar kawasan Jalan Kluang. Berberapa unit kedai telah diperiksa dan sebanyak 16 keping kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dan pelanggaran syarat lesen serta tindakan sitaan juga di lakukan. Jabatan Imigresen juga telah menahan seramai 21orang warga asing dan dibawa ke depoh tahanan Imigresen bagi siasatan lanjut. Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah melakukan sitaan 3 karton minuman keras dan 1 karton minuman liker. Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Batu Pahat akan terus komited melaksanakan operasi seperti ini dari semasa ke semasa bersama agensi yang berkaitan.



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Perindustrian (IPMC) Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat Bil.2 Tahun 2024

22 Ogos 2024 • Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Perindustrian (IPMC) peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat Bil. 2/2024 telah dilaksanakan di Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin dengan penglibatan daripada Setiausaha MPBP, Ahli – Ahli Majlis MPBP, Agensi Peringkat Daerah Batu Pahat dan Peringkat Negeri, ketua-ketua zon taman industri dan jabatan dalaman MPBP. Hasil mesyuarat telah berjaya menyelesaikan beberapa masalah antaranya sistem perparitan dan perletakan tong RORO di Kawasan Perindustrian Industri Parit Raja, pembaikan lampu jalan di Industri Rengit, cadangan penyelesaian masalah pembuangan sampah dan pembakaran terbuka di kawasan Industri Damai Plus. Cadangan daripada pemain industri lain juga diambil kira bagi penyelesaian secara bersama oleh pihak MPBP dan agensi berkaitan.



Konvoi Jalur Gemilang 2024

21 Ogos 2024 • Konvoi bermotosikal Kibar Jalur Gemilang Peringkat Daerah Batu Pahat telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat. Konvoi bermotosikal ini bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan kemerdekaan ke-67. Bermula di pekarangan Dataran Tasek "Y" konvoi bergerak ke beberapa lokasi hentian yang ditetapkan dan berakhir di Masjid Tanjung Labuh. Setiap lokasi 'Pits Stop' telah diadakan Program Penyerahan Jalur Gemilang oleh Tuan Pegawai Daerah kepada Ahli – Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Penghulu – Penghulu Mukim.



Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Daerah Batu Pahat Malaysia Madani: Jiwa Merdeka

31 Ogos 2024 • Yang Dipetua Majlis Perbandaran Batu Pahat Encik Ezahar bin Abu Sairin serta Setiausaha Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar telah menghadiri Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Batu Pahat di Dataran Penggaram dan Stadium Batu Pahat seawal 7.00 pagi dengan 102 kontinjen yang menyertai perarakan dari pelbagai jabatan agensi dan persatuan serta pertubuhan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor. Tahniah diucapkan buat Kontinjen Majlis Perbandaran Batu Pahat kerana telah memenangi Johan Perbarisan Kategori Jabatan Kerajaan, Johan Pakaian Terbaik dan Naib Johan Pertandingan Sepanduk di Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Tahun 2024 Peringkat Daerah Batu Pahat. MPBP telah menghantar 3 Kontinjen perarakan dengan Perbarisan Wargakerja MPBP, Kontinjen Perarakan Lintas Hormat dan Kontinjen Kenderaan MPBP.





Keceriaan Merdeka 2024

31 Ogos 2024 • Majlis penyampian hadiah Pertandingan Keceriaan Merdeka 2024 anjuran Majlis Perbandaran Batu Pahat yang telah diadakan sepanjang bulan Ogos 2024. Yang Dipetua Majlis Perbandaran Batu Pahat Encik Ezahar bin Abu Sairin telah menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Keceriaan Merdeka 2024 sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Batu Pahat di JKR Batu Pahat. Turut hadir sama Setiausaha MPBP Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar. Pertandingan ini terbahagi kepada 5 kategori pertandingan iaitu Bangunan Institusi Kerajaan, Bangunan Swasta, Sekolah (Menengah / Rendah), Tadika Taska dan Kediaman Desa.



Libat Urus Pelan Tindakan Bandar Pintar Dan Rendah Karbon 2030

12 September 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan kerjasama UiTM Technoventure Sdn Bhd berjaya menganjurkan sesi Libat Urus Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon 2030 yang telah berlangsung di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat Johor. Sesi libat urus telah dirasmikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Sebanyak dua kertas pembentangan telah dibuat iaitu pembentangan pertama daripada Profesor Dato' Dr Abdullah Mohamad Said berkenaan Taklimat "LCCF : Overview of Low Carbon City Requirements in Malaysia". Pembentangan yang kedua daripada Ketua Projek Ir Muhamad Fuad membentangkan Pelan Tindakan Batu Pahat ke Arah Bandar Pintar dan Rendah Karbon 2030. Pelan Tindakan Batu Pahat ke Arah Bandar Pintar dan Rendah Karbon 2030 merupakan satu inisiatif penting yang telah diterjemahkan secara terperinci mengenai perancangan, inisiatif dan strategi ke arah mencapai status bandar pintar dan bandar rendah karbon di Batu Pahat menjelang tahun 2030.



Ekspedisi 7 Puncak Merdeka

05 SEPTEMBER 2024 • Program Ekspedisi 7 Puncak Merdeka Bersempena Hari Kemerdekaan 67 Tahun dengan kerjasama Pejabat Daerah Batu Pahat, Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Majlis Daerah Yong Peng telah dirasmikan oleh Tuan Hj Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat diiringi bersama En Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat di Hutan Lipur Soga Perdana. Seramai lebih kurang 465 peserta telah menyertai pendakian Ekspedisi 7 Puncak Merdeka yang dijalankan secara serentak yang melibatkan kawasan Bukit Segenting, Bukit Banang, Hutan Lipur Soga Perdana, Bukit Bindu, Bukit Payung, Bukit Inas, Air Terjun Gunung Maokil Sri Medan. Pihak MPBP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua host dan urusetia yang terlibat terdiri daripada jabatan-jabatan serta agensi kerajaan peringkat daerah Batu Pahat dengan memberi kerjasama dalam menjayakan program ini. Diharapkan program sebegini dapat dijadikan sebagai program Eko Pelancongan dan dijadikan sebagai acara tahunan daerah Batu Pahat pada tahun seterusnya.





Sambutan Maulidur Rasul Daerah Batu Pahat

16 September 2024 • Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Batu Pahat 1446H / 2024M telah diadakan di Masjid Sultan Ismail Batu Pahat melibatkan penyertaan seramai 3000 orang yang terdiri daripada kakitangan Jabatan, agensi kerajaan, agensi swasta, NGO dan masyarakat setempat. Majlis dimulakan dengan perarakan sambutan Maulidur Rasul bertemakan "Al Falah Pemaju Maju Johor" oleh kontinjen-kontinjen yang mengambil bahagian. Seterusnya, majlis diteruskan bacaan Al Quran, marhaban, berzanji dan ceramah Maulidur Rasul S.A.W yang disampaikan oleh Yang Berbahagia As Syeikh Tuan Hj.Mohd Nasri bin Rahman, Kadi Daerah Batu Pahat. Majlis disusuli dengan penyampaian hadiah kepada kontinjen yang bertanding dalam perarakan. Kontinjen Perarakan MPBP telah dinobatkan sebagai Naib Johan Perarakan Kategori Agensi Kerajaan, Tempat Ketiga Pakaian Terbaik Kategori Terbuka dan Tempat Ketiga Sepanduk Terbaik Kategori Terbuka.

Pelancaran Yok BP Cruise Di Jeti Anjung ShahBandar

16 September 2024 • Pelancaran Yok BP Cruise telah dirasmikan oleh Tuan Hj Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat diiringi bersama YB Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Semerah, serta En Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Tetamu jemputan seterusnya di bawa ke Jeti Anjung Shahbandar bagi menaiki bot yang diberi nama 'Bot Peserai' menyusuri sungai Batu Pahat sebagai 'dry run' meninjau laluan yang dicadangkan sebelum dibuka kepada umum. Diharapkan dengan adanya Yok BP Cruise ini akan merancakkan dan memberi nilai tambah sektor pelancongan bagi daerah Batu Pahat kepada semua khususnya pelancong dari dalam dan luar daerah Batu Pahat.





Penutup Pengauditan Penyata Kewangan MPBP Bagi Tahun 2023

18 September 2024 • Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan MPBP Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 telah dipenguruskan oleh Puan Norni @ Lina binti Mohamed Pengarah Audit Negeri Johor. Turut hadir sama Yang berbahagia, Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat, Tetuan Atarek Kamil Ibrahim & Co, Pegawai-pegawai Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor dan Ketua- ketua Jabatan MPBP.



Sesi Libat Urus Transformasi Ruang Awam

12 September 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan kerjasama Think City berjaya menganjurkan Sesi Libat Urus Projek Transformasi Ruang Awam yang Berkonsepkan 'Nature-Based Solutions' yang telah berlangsung di Jalan Mohd Khalid, Batu Pahat. Disempurnakan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Turut hadir Encik Mohammad Faizzuddin bin Azmi wakil rasmi Pegawai Daerah Batu Pahat, Puan Ai'dah binti Abdul Rahman, Eksekutif (Yayasan PETRONAS), Cik Siti Nur Amni binti Mohd Nor, Eksekutif (PETRONAS Southern Office), Puan Rose Afrina binti Mansor, Pengurus Projek, Unit Adaptasi Iklim, Think City, barisan pasukan kajian, Jabatan Peringkat Daerah, Pegawai-Pegawai Kerajaan serta Pemimpin-Pemimpin Masyarakat dan Wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan, wakil pemilik dan penyewa kedai di Jalan Rahmat, Batu Pahat. Seterusnya tetamu telah dibawa melawat ke ruangan pameran dan ke lorong belakang Jalan Rahmat bagi melihat potensi dan keadaan semasa lorong belakang yang akan dinaiktaraf. Sesi libat urus komuniti ini dilihat selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) iaitu Matlamat 11 - Bandar dan masyarakat mampan : Menjadikan bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan. Seramai 70 orang responden yang telah menyertai kaji selidik Transformasi Lorong Belakang Jalan Rahmat, Batu Pahat sebagai usaha bersama menjadikan Daerah Batu Pahat berdaya huni, beradaptasi iklim dan mampan. Kaji selidik ini adalah sebahagian daripada Kajian Menilai Penyelesaian Berasaskan Alam untuk Adaptasi Iklim di Daerah Batu Pahat yang sedang dibangunkan oleh Think City dan disokong oleh Yayasan PETRONAS.

Cuci Malaysia 2024

28 SEPTEMBER 2024 • Program Pembersihan Mega serentak di seluruh Malaysia bersempena World Cleanup Day 2024. Majlis Dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat di Dataran Penggaram Batu Pahat. Turut hadir sama Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Ketua-jabatan Jabatan Daerah, Southern Volunteers Batu Pahat, Southern volunteer respond team serta NGO



Pekerja Contoh Bulanan



JULAI 2024

EN.KAMARUZAMAN BIN JUWAHIR
PEMANDU N1
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



OKTOBER 2024

PN.SITI NURUL AZLIN BINTI ROPIE
PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19
UNIT PERHUBUNGAN AWAM & KORPORAT



OGOS 2024

PN.ANITA BINTI ANIM
PEMBANTU TADBIR/ OPERASI N2
JABATAN KEJUTERAAN DAN LANDSKAP



NOVEMBER 2024

EN.ISMAIL BIN SALLEH
PEMBANTU AWAM GRED H11
JABATAN KEJUTERAAN & LANDKAP



SEPTEMBER 2024

PN.ZUHAIKHA BINTI JAMIL
PENOLONG AKAUNTAN W6
JABATAN KEWANGAN



DISEMBER 2024

EN.ABDUL HAKIM BIN MOHD ZOR
PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1
UNIT PUSAT SEHENTI (OSC)



Orang Muda BP

29 SEPTEMBER 2024 • Program Orang Muda Johor (OMJ) dalam Jelajah Aspirasi OMJ @ Batu Pahat di Dataran Penggaram berlangsung dengan jayanya. Walaupun dalam keadaan cuaca hujan Orang ramai dilihat tidak mengendahkan malah langsung tidak berganjak dari kedudukan masing-masing untuk bersama-sama memanfaatkan pengisian pada program jelajah yang memasuki siri kesembilan pada tahun ini. Majlis Perasmian Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor @ Batu Pahat telah disempurnakan oleh YB Mohd Hairi Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor. Hadir sama, YBhg Zainor Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat, YB Dato' On Jabbar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia, Sukarelawan) dan YBhg Ezahar Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Selain itu, laungan 'Maju Johor' yang menggegarkan Dataran Penggaram juga mencerminkan sokongan padu generasi muda negeri ini terhadap agenda yang ingin direalisasikan Kerajaan Negeri demi kesejahteraan rakyat. Pelbagai acara sampingan turut diadakan bagi pengunjung yang hadir.



Taklimat Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

27 Oktober 2024 • Taklimat Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah disampaikan oleh Puan Hairulnisha Binti Rabon, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Hairulnisha Binti Rabon kerana sudi meluangkan masa untuk memberi taklimat kepada wargakerja MPBP pada hari ini. Semoga taklimat yang telah diadakan ini dapat merungkai segala persoalan dan ketidakpastian mengenai SSPA dan wargakerja MPBP dapat membuat pilihan yang bijak.





Sesi 'Clock-In' Setiausaha MPBP

3 November 2024 • Majlis ini telah diadakan bagi meraikan kehadiran Setiausaha baru MPBP iaitu Encik Abd. Razak bin Ithnain. Majlis turut dihadiri oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP bagi sesi Clock-in Dan Taklimat Ringkas Pengenalan MPBP kepada Setiausaha baru MPBP. Seluruh warga kerja MPBP mengucapkan Selamat Datang dan Selamat Bertugas kepada Encik Abd. Razak bin Ithnain.



Operasi Bersepadu

14 November 2024 • Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Batu Pahat bersama Polis Diraja Malaysia telah melaksanakan operasi warga asing di sekitar kawasan Jalan Sri Sulong Utama dan Jalan Sri Sulong, Taman Sri Sulong. Beberapa unit kedai telah diperiksa, terdapat beberapa kesalahan dan (3) Notis Kompaun telah dikeluarkan oleh Jabatan Penguatkuasaan MPBP kepada premis-premis yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 107(5) Gagal mempamerkan lesen perniagaan dari MPBP, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan tindakan sitaan rokok seludup oleh pihak PDRM. Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Batu Pahat akan terus komited melaksanakan operasi seperti ini dari semasa ke semasa bersama agensi yang berkaitan.



LENZA





MPBP





Pemutihan Ubahan Tambahan Rumah Kediaman Kawasan Pentadbiran MPBP

26 September 2024 • Majlis Publisiti Program Pemutihan Ubahan dan Tambahan Rumah Kediaman yang dibina Tanpa Kebenaran di dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat dirasmikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP. Program ini merupakan salah satu inisiatif MPBP bagi memberi peluang kepada pemilik rumah yang telah membina tambahan di kediaman mereka tanpa mendapat kelulusan dan kebenaran daripada pihak berkuasa untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan pematuhan undang-undang dan peraturan pembangunan. Tempoh program ini bermula daripada 1 Disember 2024 sehingga 31 Disember 2025 bagi binaan yang telah siap dibina sebelum 31 Disember 2023 adalah layak untuk menyertainya. Program ini dilaksanakan untuk kategori rumah teres, berkembar dan sesebuah bagi bangunan bertanah di kawasan pentadbiran MPBP dengan mengemukakan empat 4 set pelan siap bina yang perlu dikemukakan oleh arkitek atau pelukis pelan bangunan berdaftar untuk dipertimbangkan kelulusannya.



Program Rapatkan Saf 2.0 Daerah Batu Pahat

11 November 2024 • Program Rapatkan Saf 2.0 Daerah Batu Pahat, telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor serta Yang Dihormati Puan Sri Datin Dr. Hajah Noor Azidah Binti Abdul Latif, Pengerusi Pusanpanita Cawangan Negeri Johor Bertempat Di Pantai Minyak Beku. Turut Sama Hadir Dalam Program Tersebut ialah Pegawai-Pegawai Daerah, Serta Ahli-Ahli Huspanita. Sebelum ke Pantai Minyak Beku, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri telah menyempurnakan Gimik Pelancaran Logo Pelancongan dan Slogan Daerah Batu Pahat di Jeti 'Yok BP Cruise' dan semua dif - dif VIP dijemput menaiki Bot menyelusuri sungai Batu Pahat. Pelbagai Aktiviti Telah Dijalankan Sepanjang Program Berlangsung Antaranya Pertandingan Hiking, sukaneka, Dan Sebagainya. Program Ini Bertujuan Untuk Memberi Pengalaman Kepada Peserta-Peserta Untuk Merasai Aktiviti-Aktiviti Yang Telah Disediakan Disamping Mengeratkan Hubungan Silaturrahim Diantara Ahli-Ahli Pusanpanita.





Lawatan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor

11 November 2024 • Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor telah mengadakan lawatan kerja ke Daerah Batu Pahat, lawatan dimulakan dengan menelusuri Sungai Batu Pahat sambil melihat keindahan flora dan fauna serta pemandangan Pulau Sialu. Yang Berhormat telah menerima taklimat daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat sambil meninjau cadangan mewujudkan Rancangan Kawasan Khas Persisiran Sungai Batu Pahat, serta taklimat mengenai Tebatan Banjir Sungai Batu Pahat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Kawasan sekitar Sungai Batu Pahat berpotensi untuk meningkatkan sektor pelancongan melalui kesan sejarah, budaya dan warisan Batu Pahat. Terdahulu, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah kepada Muhamad Bahiri bin Ahmad, Pemenang Pertandingan Reka Cipta Logo, dan Slogan Pelancongan Daerah Batu Pahat di Jeti "Yok BP Cruise"





Majlis Ikatan Kasih Tautan Budi

12 NOVEMBER 2024 • Majlis ini telah diadakan sebagai menghargai Tuan Haji Abdul Karim Bin Haji Bakar yang sebelum ini berkhidmat sebagai Setiausaha MPBP. Seramai 100 orang yang telah hadir terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis MPBP, Ketua-ketua Jabatan MPBP, para pegawai penyelaras dan penolong penyelaras Ahli Majlis MPBP serta Southern Volunteers. Majlis turut diserikan dengan persembahan tarian oleh Majlis Kebudayaan Daerah Batu Pahat. Terima kasih dan Selamat Maju Jaya diucapkan kepada Tuan Haji Abdul Karim Bin Haji Bakar yang kini telah bertugas sebagai Ketua Penolong (Pengaroh Khidmat Pengurusan) Majlis Agama Islam Negeri Johor.



Anugerah Bandar Mampan

17 November 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat menerima Anugerah Bandar Mampan bersempena Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2024 Peringkat Negeri Johor. Anugerah diterima oleh En Ezahar b Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Pada tahun ini, Simpang Rengam dipilih sebagai tuan rumah penganjuran pada tahun ini dengan tema Johor : Berdaya Huni, Mampan dan Pintar. Majlis Perbandaran Batu Pahat mengekalkan status kemampunan sebagai Bandar Mampan bagi tahun kelima berturut-turut. Indikator Kemampunan Bandar Pintar melibatkan 56 indikator yang telah ditetapkan di peringkat nasional serta antara lain juga memenuhi kriteria Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) sebagai salah satu Indikator pengukuran keseluruhannya.

JOHOR BERDAYA HUNI, MAMPAN & PINTAR





'Tourism BP'

26 NOVEMBER 2024 • Mesyuarat Penyelaras Program Pelancongan Batu Pahat Bersama Pengusaha Hotel / Homestay Dan Persatuan Pelancongan Batu Pahat Serta Pihak yang berkepentingan telah dipengerusikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP. Turut hadir sama Encik Zaidi bin Japar Ketua Whip Ahli Majlis MPBP, Encik Abd Razak bin Ithnain Setiausaha MPBP, Ahli-ahli Majlis MPBP, Ketua-ketua jabatan MPBP, Pengusaha Hotel, 'Homestay', 'Desastay', Persatuan / Ngo, Pengusaha Pelancongan serta Pusat-pusat pengumpulan Produk IKS. Tujuan mesyuarat diadakan adalah bagi merancang dan merangka program-program pelancongan daerah Batu Pahat sebagai persediaan Tahun Malawat Johor 2026.



Hari Bebas Kenderaan, Sv Fun Run & Semarak Subuh

27 DISEMBER 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan kerjasama Southern Volunteers Batu Pahat menganjurkan Hari Bebas Kenderaan (Car Free Day) bagi Tahun 2024. Program Southern Volunteers Fun Run 2024 sejauh 5km bermula di Jalan Rahmat melibatkan penyertaan seramai 500 peserta dengan Majlis pelepasan disempurnakan oleh YB Dato' Haji On bin Jabbar @ Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan). Turut hadir sama En. Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, YDH ACP Shahrulanuar Mushaddat bin Abdullah Sani, Ketua Polis Daerah Batu Pahat, En. Abdul Razak b Ithnain Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Mohamad Zainul Ariffin bin Azhar, Penolong Pegawai Daerah Batu Pahat, Ahli-ahli Majlis Perbandaran Batu Pahat dan para jemputan. Program Hari Bebas Kenderaan antara lain merupakan inisiatif Majlis Perbandaran Batu Pahat ke arah perbandaran yang mampan dan inklusif. Berasaskan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDGs) serta komitmen Bandar Pintar dan Rendah Karbon, Majlis Perbandaran Batu Pahat sentiasa komited memastikan masyarakat Batu Pahat mengamalkan gaya hidup sihat dan mampan. Majlis Perbandaran Batu Pahat menetapkan sasaran Tahun 2030, Batu Pahat sebagai sebuah bandar berstatus Bandar Pintar dan Rendah Karbon (BP2030).



Pelancaran Tourism Batu Pahat

26 NOVEMBER 2024 • Mesyuarat Penyelaras Program Pelancongan Batu Pahat Bersama Pengusaha Hotel / Homestay Dan Persatuan Pelancongan Batu Pahat Serta Pihak yang berkepentingan telah dipengerusikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP. Turut hadir sama Encik Zaidi bin Japar Ketua Whip Ahli Majlis MPBP, Encik Abd Razak bin Ithnian Setiausaha MPBP, Ahli-ahli Majlis MPBP, Ketua-ketua jabatan MPBP, Pengusaha Hotel, 'Homestay', 'Desastay', Persatuan / Ngo, Pengusaha Pelancongan serta Pusat-pusat pengumpulan Produk IKS. Tujuan mesyuarat diadakan adalah bagi merancang dan merangka program-program pelancongan daerah Batu Pahat sebagai persediaan Tahun Malawat Johor 2026.



Aplikasi JomParking, Kios Layanan Diri Dan Kaunter Pandu Lalu Tanpa Tunai MPBP

29 Disember 2024 • Majlis perasmian aplikasi JomParking, kios layanan diri dan kaunter pandu lalu tanpa tunai MPBP telah diadakan di Ruang Legar Kaunter Bayaran, Aras 2 Menara MPBP. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP, turut hadir bersama adalah Encik Zaidi bin Japar Ketua WHIP Ahli Majlis MPBP, Ahli-Ahli Majlis MPBP dan Ketua- ketua Jabatan MPBP. Majlis ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan 3 perkhidmatan yang disediakan oleh MPBP kepada orang awam. MPBP telah melancarkan aplikasi parkir pintar "JomParking" yang telah mula digunakan pada 10 November 2024. Aplikasi ini telah dibangunkan oleh syarikat Govicle Sdn Bhd bersama MPBP yang turut digabungkan dengan Sistem Penguatkuasaan "Go Force" dan sistem "GoPayy" yang boleh menjana kupon digital. MPBP telah bersetuju untuk menetapkan kadar pas harian bernilai RM 5.00 yang akan mula tersedia di dalam aplikasi ini mulai 1 Januari 2025. Perkhidmatan kios layanan diri tanpa tunai juga telah siap dipasang dan digunakan bermula pada 26 September 2024. Terdapat 2 unit kios layanan diri yang ditempatkan di aras G Menara MPBP berhadapan lif dan juga di ruang legar Kaunter Bayaran Aras 2 Menara MPBP. Kios ini akan mengurangkan kesesakan pembayaran di kaunter bayaran dan mengurangkan waktu menunggu bagi orang awam. Perkhidmatan pembayaran yang tersedia buat masa ini adalah bagi bayaran cukai taksiran, sewaan premis, pembaharuan lesen dan bil pelbagai. Pembayaran di kios layanan diri adalah secara tanpa tunai iaitu kad debit, kad kredit, dompet elektronik (e-wallet) dan DuitNow QR. Perkhidmatan kaunter pandu lalu MPBP yang terletak di kawasan tempat letak kereta berpagar Dewan Jubli Intan MPBP juga akan mula beroperasi pada 7 Januari 2025. Kaunter pandu lalu ini akan mengamalkan konsep pembayaran tanpa tunai. Ia akan beroperasi setiap hari Isnin hingga Rabu setiap minggu bagi bulan Januari, Februari, Mac, Julai, Ogos & September. Bagi bulan-bulan lain yang dijangka mengalami trafik operasi kaunter yang kurang sibuk, jadual operasi akan dimaklumkan melalui media sosial MPBP dari semasa ke semasa. Selain itu, adalah dengan ini dimaklumkan inisiatif Khamis tanpa tunai akan dipanjangkan sehingga hari Jumaat. Walau bagaimanapun, para pelanggan masih boleh menggunakan kaedah bayaran secara tunai pada 3 hari yang lain iaitu Isnin, Selasa dan Rabu.

Sejenak Di Bilik YDP



27 Ogos 2024 • Kunjungan Hormat Ketua Polis Daerah Batu Pahat YDH ACP Shahrul Anuar Mushaddat bin Abdullah, Ketua Cawangan Khas Daerah, DSP Lim Soon Kiang, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah, DSP Dr. Karthiggaibalan A/I Kisenasamy serta Wakil Ketua Bahagian Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti, ASP Mohd Mokhtar bin Mohd Nor



28 Ogos 2024 • Kunjungan Hormat Kolej Komuniti Batu Pahat oleh Puan Rohayati binti Duasa, Timbalan Pengarah Akademik, Puan Nur Arifah binti Muhammad, Timbalan Pengarah Pengurusan, Encik Ahmad Hanif bin Mohd Yusof, Penolong Pegawai Tadbir serta Encik Muhadzir bin Mat Zin, Pegawai Komunikasi dan Korporat



2 September 2024 • Kunjungan Hormat Ketua Cawangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Batu Pahat Tuan Hj. Mazlan bin Muhammad, Ketua Perkhidmatan Puan Norhapipah binti Mohd Ahyan, Serta Ketua Relationship & Advisory Puan Noridayu Binti Madun.



9 September 2024 • Kunjungan Hormat Pegawai Memerintah 10 RAMD Kem Majidee Batu Pahat, Lt. Kol Akhwan bin Jamaludin dan Pegawai Gerakan, Mej Saiful Rizal bin Abd Khodir.



9 September 2024 • Kunjungan Hormat dari YDP PIBG SMK Tinggi Batu Pahat, Hj Mohamad Zahir bin Moahmood, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, En. Yusri bin Jarkasi, Guru Penolong Kanan HEM, En. Mohd Rafee bin Abd Kahar, dan Guru Kanan, Hj. Hasrol bin Baharom

Perhimpunan Bulanan



14 JULAI 2024 • Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan Julai 2024 disempurnakan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP. Dalam ucapannya, beliau berkongsi berkenaan program sepanjang bulan Mei dan Jun 2024 serta perancangan program pelancongan yang akan datang. Beliau juga menzahirkan ucapan penghargaan ke atas pencapaian bagi suku tahun kedua MPBP.

Seterusnya, Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Bulanan bagi bulan Mei dan Jun 2024, Penyerahan surat kenaikan pangkat, Pengenalan Pegawai Lantikan Baru, Penyampaian Hadiah Pertandingan Penurunan Berat Badan 2.0, Pelancaran Pertandingan Penurunan Berat Badan 3.0 dan Program Johor Bersih dengan Aktiviti Plogging.



04 OGOS 2024 • Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan Ogos 2024 disempurnakan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP. Dalam ucapannya, beliau berkongsi berkenaan program sepanjang bulan Julai 2024 serta perancangan program bulan kemerdekaan yang akan datang.

Seterusnya, Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Bulanan bagi bulan Jun 2024, Penyerahan surat kenaikan pangkat seorang pegawai, Pengenalan Pegawai Lantikan Baru, Penyampaian surat lantikan pegawai 16 sukan MPBP dan Nyanyian lagu-lagu patriotik bagi bulan kemerdekaan.





06 Oktober 2024 • Perhimpunan pagi bagi bulan Oktober dimulakan dengan sesi ucapan dan amanat oleh Yang Dipertua MPBP, Encik Ezahar Bin Abu Sairin berkenaan program tahunan MPBP dan pencapaian yang telah dikecapi. Turut diserikan dengan simbolik penyerahan hadiah kejayaan yang dimenangi oleh pasukan MPBP bagi Pertandingan Majlis Perbarisan Sempena Hari Kemerdekaan Malaysia ke-67 Peringkat Daerah Batu Pahat, Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik Sempena Bulan Kemerdekaan 2024 Anjuran Puspanita Negeri Johor, Majlis Perbarisan Sempena Maulidur Rasul 1446H/2024M Daerah Batu Pahat dan Pertandingan Tertutup Darts 2024 Anjuran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Sijil Anugerah Pekerja Contoh Bulanan bagi bulan Julai dan Ogos 2024, penyampaian surat kenaikan pangkat pegawai seramai 4 orang dan pengenalan pegawai lantikan baru jawatan Pembantu Tadbir Gred N19 bagi lantikan bulan September dan Oktober 2024 seramai 9 orang.

Turut diadakan bacaan Ikrar Aku Janji Penjawat Awam dan Ikrar Bebas Rasuah oleh 21 orang pegawai lantikan baru dan majlis diteruskan dengan Taklimat Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang disampaikan oleh Pegawai AADK Daerah Batu Pahat, En. Mohd Dzulkifli bin Isnain.



07 November 2024 • Perhimpunan Pagi Bulan November 2024 Dan Sambutan Maulidur Rasul 1446H/2024M Majlis perhimpunan ini telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Setiausaha En. Abd. Razak Bin Ithnain dan seterusnya ucapan Tuan Yang Dipertua En. Ezahar Bin Abu Sairin. Majlis diteruskan dengan penyampaian Sijil Pekerja Contoh bagi bulan September 2024 kepada Puan Zuhairah Binti Jamil, Penolong Akauntan W32 Jabatan Kewangan dan penyampaian Surat Kenaikan Pangkat Pegawai iaitu Puan Norhidayah Binti Mohd Samek, Penolong Pegawai Penilaian W36.

Majlis diteruskan dengan sambutan Maulidur Rasul dengan bacaan berzanji dan selawat yang diketuai oleh Ustaz Mohd Hefizzuddin Bin Hezli, Guru Agama Kerajaan Negeri Johor dan Ceramah Teladani Integriti Dan Kepimpinan Rasulullah S.A.W yang disampaikan oleh as- Syeikh Tuan Haji Mohd Nasri Bin Rahman, Kadi Daerah Batu Pahat. Tajuk ceramah ini dipilih oleh Unit Integriti MPBP bagi memupuk sifat bertanggungjawab dan amanah dalam kalangan wargakerja MPBP dan menjadi salah satu program Unit Integriti pada tahun ini.

Kursus Dan Lawatan

Kursus Pengurusan Penyelenggaraan Landskap

02 & 03 Julai 2024 • Kursus Pengurusan Penyelenggaraan Landskap telah diadakan di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14, Menara MPBP dan Tapak Semaian MPBP Pihak MPBP telah menjemput Arbor Empire Garden, syarikat perunding arborikultur yang berpengalaman untuk memberi pendedahan dan tunjuk ajar kepada 48 orang wargakerja di Bahagian Landskap MPBP. Kursus ini telah memberi pelbagai ilmu baru berkaitan kaedah dan cara-cara penyelenggaraan landskap, cantasan, pengawalan serta penjagaan.



Kursus Teknikal Pengurusan Dan Penyelenggaraan Bangunan Berstrata

08 Ogos 2024 • Majlis Perasmian Penutup Kursus Teknikal Pengurusan dan Penyelenggaraan Bangunan Berstrata, Siri 2/2024 Anjuran Bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Unit Pesuruhjaya Bangunan MPBP telah diadakan selama dua hari bermula 7 Ogos 2024 di Menara MPBP. Kursus ini diadakan bagi pegawai-pegawai teknikal COB PBT Zon Selatan dengan penyertaan seramai 30 orang peserta dari PBT negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Perasmian penutup telah disempurnakan oleh TPr. Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar (Setiausaha MPBP merangkap Timbalan COB).



Team Building MPBP

19 - 21 Ogos 2024 • Pusat Latihan Pertahanan Awam Wilayah Selatan (PULAPAS) Kluang, Johor Kursus ini telah dihadiri 40 orang peserta yang terdiri dari wargakerja MPBP dan 10 orang dari Pasukan Southern Volunteers (SV) Batu Pahat. Objektif kursus ini adalah bagi membina jati diri dan memantapkan ilmu "survival skills" bagi melatih dan membangunkan kemahiran asas apabila berlaku kecemasan. Jutaan terima kasih kepada Lt. Kol. (PA) Lokman Hakim Bin Abdul Rahman, Komandan PULAPAS Kluang dan Kapt.(PA) Mohd Fariz Izham Bin Mohd Yusof, Ketua Jurulatih atas kerjasama yang diberikan.



Lawatan Dari Rikkyo University

26 Ogos 2024 • Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat menerima lawatan *International Fieldwork and Students Exchange Programme* (Program Mobiliti Pelajar Jepun ke UTHM) yang terdiri daripada pelajar daripada Rikkyo University, *National Institute of Technology Kure Collage* & UTHM. Lawatan terdiri daripada 33 pelajar dan 5 orang pensyarah pengiring. Acara dimulakan dengan persembahan kebudayaan oleh Persatuan Tari Ronggeng Daerah Batu Pahat di kawasan parkir berbumbung, Menara MPBP. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan penerangan berkenaan Perancangan Bandar dan Pelancongan di Batu Pahat dan telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Perancangan Bandar, Encik Shahril bin Karjoo.

Seterusnya sesi lawatan ke beberapa lokasi menarik di dalam Zon Warisan Bandar Penggaram antaranya Laman Tanjung, Jalan Shahbandar, Terusan Penggaram, serta mural di Pasar Pagi Jalan Ibrahim, Old Batu Pahat Japan Club Building di Jalan Shahbandar, Kedai Cermin Mata Hakka Optical di Jalan Penggaram, kedai Film Never Die dan Galeri Barangan Antik di Jalan Jenang



Kursus Sistem Pengurusan Aduan Awam

23 September 2024 • Kursus Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) telah dijalankan selama 1 hari dan penceramah dari Biro Pengaduan Awam (BPA) Negeri Johor, Puan Nazihah Iryani binti Azaddin ini telah dihadiri oleh 20 orang staf MPBP. Kursus ini dibuat bertujuan memantapkan serta menambahbaik sistem pengurusan dan pengendalian aduan SISPAA MPBP khususnya. Melalui kursus ini para peserta dapat memahami dengan lebih terperinci berkenaan tatacara pengurusan aduan melalui sistem SISPAA.



Lawatan Majlis Daerah Rembau

07 Oktober 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat telah menerima lawatan daripada Majlis Daerah Rembau ke Menara MPBP. Lawatan tersebut diketuai oleh Tuan Haji Mohd Zambri bin Mohd Esa (Tuan Yang Dipertua), Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua jabatan serta warga kerja Majlis Daerah Rembau. Tujuan lawatan ini diadakan adalah berkaitan pelaburan, peningkatan hasil dan pengurusan MPBP. Semoga perkongsian maklumat dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua PBT dalam memastikan tadbir urus dan pengurusan PBT berada di tahap terbaik.



Kursus Pengurusan Mesyuarat, Penulisan Minit Mesyuarat, Surat Rasmi, Memo Dan Kertas Kerja

07 hingga 08 Oktober 2024 • Kursus Pengurusan Mesyuarat, Penulisan Minit Mesyuarat, Surat Rasmi, Memo Dan Kertas Kerja telah dijalankan selama 2 hari di bilik mesyuarat aras 13 menara MPBP. Seramai 50 orang peserta kursus yang terdiri daripada wakil setiap Jabatan dalaman. Objektif kursus ini ialah memberi pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan penulisan yang tepat dan berkualiti. Kursus ini disampaikan oleh En. Azhar Bin Salleh, Munsyi Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka. Majlis penutup kursus ini dirasmikan oleh En. Ezahar Bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP.



Lawatan Majlis Perbandaran Kluang

05 Disember 2024 • Lawatan Jabatan Khidmat Pengurusan MPBP ke Majlis Perbandaran Kluang diketuai oleh Puan Noor Adiba Bte Abdul Rashid, Pegawai Tadbir, MPBP berserta 12 orang pegawai bagi menimba ilmu berkenaan pembangunan sistem pentadbiran seperti e-job, e-surat dan e-latihan/kursus serta pelaksanaan Klinik Panel.



Lawatan Majlis Bandaraya Johor Bahru

02 DISEMBER 2024 • Kunjungan Penendarasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Sesi Perkongsian Ilmu Program Pemutihan Industri dan Komersial Tanpa Kebenaran. Delegasi Majlis Bandaraya Johor Bahru diketuai oleh Tuan Mohd Farid bin Hassan, Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru. Dipengerusikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua MPBP memfokuskan kepada Program Pemutihan Industri dan Komersial Tanpa Kebenaran yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat dan kaedah penyelesaian ke atas premis yang gagal mengemukakan pelan dalam tempoh yang ditetapkan.



Bengkel Sasaran Penghasilan Kerja Dan MyPerformance

09 Disember 2024 • Bengkel Sasaran Penghasilan Kerja (SPK) Dan MyPerformance (Pengenalan Dan Tatacara Penyediaan) Majlis Perbandaran Batu Pahat. Bengkel ini diadakan bagi mempelajari pengurusan prestasi pegawai menggunakan Modul Pengurusan Prestasi- MyPerformance HRMS serta penyediaan dan penetapan Sasaran Kerja Utama (SKU). Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua MPBP, En. Ezahar Bin Abu Sairin diiringi Setiausaha MPBP, En. Abd. Razak Bin Ithnain. Turut hadir Puan Nur Erleta Binti Abu Samah, Penolong Setiausaha Kanan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Taklimat bengkel ini telah disampaikan oleh Puan Amirah Binti Nor Azlan, Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Bengkel ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan dan pegawai yang telah dilantik sebagai Pentadbir SKU Jabatan masing-masing.



Gerak Mesra



13 Julai 2024 • Gerak Mesra Zon 4
Ahli Majlis : Encik Lim Sey Ken
Tempat : Dewan Terbuka
Taman Pantai

**31 Ogos 2024 • Gerak Mesra Zon
Taman Sri Sulong**
Ahli Majlis : Tuan Haji Hamdan Bin Ayub
Tempat : Pintu Gerbang Utama,
Taman Sri Sulong, Batu Pahat.

08 November 2024 • Gerak Mesra Zon 4
Ahli Majlis : Encik Lim Sey ken
Tempat : KRT Taman Pantai

23 November 2024 • Gerak Mesra Zon 16
Ahli Majlis : Dr King Ban Siang
Tempat : Gelanggang Bola
Keranjang Taman Banang

27 Julai 2024 • Gerak Mesra Zon 24
Ahli Majlis : Encik Arzahar bin Salleh
Tempat : Gelanggang Bola Keranjang,
Taman Ria, Rengit

19 Oktober 2024 • Gerak Mesra Zon 12
Ahli Majlis : Puan Norhanim binti Monadam
Tempat : Gelanggang Taman Melewar, Parit Raja

08 November 2024 • Gerak Mesra Zon 23
Ahli Majlis : Puan Teo Siau Pei
Tempat : Padang Taman Rengit Indah, Batu Pahat

23 November 2024 • Gerak Mesra Zon 19
Ahli Majlis : Encik Ranjit Singh A/L Gurdial Singh
Tempat : Gelanggang Bola
Keranjang MCA Taman Soga

17 Ogos 2024 • Gerak Mesra Zon 5
Ahli Majlis : Encik Abdul Halid bin Saat
Tempat : Taman Robena, Parit Raja

03 November 2024 • Gerak Mesra Zon 9
Ahli Majlis : Puan Haryani binti Sukarman
Tempat : Dewan Terbuka Taman Ria, Parit Besar

16 November 2024 • Gerak Mesra Zon 11
Ahli Majlis : Teo Shang Chuan
Tempat : Dewan Terbuka Taman Bahagia Baru Batu

30 November 2024 • Gerak Mesra Zon 24
Ahli Majlis : Encik Arzahar bin Salleh
Tempat : Dewan Haji Hashim, parit Tengah,
Seri Merlong,
Batu Pahat.



30 November 2024 • Gerak Mesra Zon 20
Ahli Majlis : Encik Ter Hwa Kwong
Tempat : Gelanggang Serbaguna Taman Bukit Mutiara, Batu Pahat

30 November 2024 • Gerak Mesra Zon 8
Ahli Majlis : Yang Berusaha Datuk Haji Mohd Lassim bin Burhan
Tempat : Dewan Tongkang Pechah, Batu Pahat

30 November 2024 • Gerak Mesra Zon 17
Ahli Majlis : Puan Hajah Haliza binti Abdullah
Tempat : Padang Kampung Merdeka

07 Disember 2024 • Gerak Mesra Zon 15
Ahli Majlis : Encik Abd Kahar bin Osman
Tempat : Jalan Sri Mulia 1, taman Sri Mulia

14 Disember 2024 • Gerak Mesra Zon 6
Ahli Majlis : Encik Toh Poey Tiong
Tempat : Dewan Terbuka Taman Manis 2, Parit Raja

17 Disember 2024 • Gerak Mesra Zon 5
Ahli Majlis : Encik Abdul Halid bin Saat
Tempat : Taman Robena, Parit Raja

21 Disember 2024 • Gerak Mesra Zon 13
Ahli Majlis : Encik Zaidi bin Japar
Tempat : Dewan Terbuka Taman Hajat

28 Disember 2024 • Gerak Mesra Zon 21
Ahli Majlis : Encik Azmin Nizam bin Alias
Tempat : Taman Evergreen Heights

28 Disember 2024 • Gerak Mesra Zon 10
Ahli Majlis : Encik Murugan A/L Shanmugam
Tempat : Dataran Taman Ros

28 Disember 2024 • Gerak Mesra Zon 22
Ahli Majlis : Encik Abdul Rashid bin Sahari
Tempat : Gelanggang Bola Keranjang Senggarang

Sukan Dan Rekreasi



Kejohanan 10 Pin Bowling Tertutup Piala Yang Dipertua MPBP

20 September 2024 • Pertandingan 10 Pin Bowling 3 Sepasukan tertutup Piala Yang Dipertua MPBP Tahun 2024 telah berlangsung dengan meriah di Ampang Super Bowl, Kluang dengan penyertaan seramai 52 orang peserta dari pelbagai jawatan dalam MPBP. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP. Melalui penganjuran program ini, ianya bukan sahaja dapat melahirkan wargakerja yang mempunyai tubuh badan yang sihat serta minda yang cerdas, ianya juga dapat mewujudkan semangat kesukanan serta mengeratkan silaturrahim antara wargakerja MPBP.



MPBP Johan Liga Bola Sepak Daerah Batu Pahat

03 November 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat telah menjadi Johan Liga Bola sepak Piala Pegawai Daerah Batu Pahat setelah menewaskan pasukan CBP FC dengan penentuan sepakan penalty 4-2 setelah keputusan terikat 2-2 pada masa penuh perlawanan yang telah diadakan pada di Stadium Batu Pahat.

Penyerahan hadiah dan piala pusingan kepada Pasukan Bola Sepak MPBP disempurnakan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP merangkap Naib YDP 1 BPFA. MPBP juga telah melayakkan diri ke pertandingan bola sepak Piala Menteri Besar Johor edisi 2024/2025.



Yayasan Makmur



24 Julai 2024 • Ziarah & penyerahan sumbangan kepada warga emas Asmah binti Limat yang tinggal di Jalan Mustaffa, Batu Pahat, Johor.



13 Ogos 2024 • Ziarah & penyerahan sumbangan kepada Nuriman Naziha yang tinggal di Jalan Pancuran Air Kampung Satay, Batu Pahat, Johor. Ayah mereka Encik Rasdi sakit jantung kronik sejak dua tahun yang lalu. Beberapa hari lepas telah menjalani pembedahan potong kaki kerana jangkitan kuman.



Penyampaian Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran Kampung Sungai Ayam Laut

21 Oktober 2024 • Majlis penyampaian sumbangan kepada 5 keluarga yang terlibat kebakaran di Sungai Ayam oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Timbalan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat yang juga Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat kepada keluarga mangsa kebakaran iaitu Puan Surayni binti Atan, Encik Mohd Nasrol bin MD Diah, Encik Zainal Abidin bin Ariffin, Encik Zamri bin Surani dan Encik Suhaimi bin Ismin.



'Program Corporate Social Responsibility' Bersama Southern Volunteers Batu Pahat

17 November 2024 • Bantuan (CSR) daripada pihak Yayasan Makmur Batu Pahat bersama Majlis Perbandaran Batu Pahat serta Southern Volunteers bagi kerja-kerja gotong-royong membantu pemindahan keluarga Encik Amir bin Korit ke Rumah Pangsa Kerajaan Taman Pantai oleh pihak Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor Yayasan Makmur Batu Pahat turut menyumbang bantuan asas seperti tikar getah, tilam, barang keperluan harian dan juga turut membantu membayarkan deposit sewa rumah, deposit pemasangan elektrik dan juga air bagi rumah tersebut. Semoga dengan ada program seperti ini, sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban keluarga ini. Terima kasih kepada pengerusi Yayasan Makmur Yang Berhormat Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan.



Sinar Deepavali

23 NOVEMBER 2024 • Majlis Penyampaian Sumbangan Sinar Deepavali Yayasan Makmur Batu Pahat telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Batu Pahat. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap ADUN Sri Medan. Turut hadir sama Encik Ezahar bin Abu Sairin Timbalan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat Merangkap Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Yang Berhormat Hajah Nor Rashidah binti Haji Ramli Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap ADUN Parit Raja. Sumbangan Sinar Deepavali pada tahun ini terdiri daripada 100 orang kaum India di kawasan MPBP. Semoga dengan sumbangan kewangan dari Yayasan Makmur Batu Pahat dan barangan keperluan dari Kerajaan Negeri Johor dapat memberi keceriaan kepada mereka bagi menyambut Deepavali.

Apa Ada Di Batu Pahat?



B
A
T
U
P
A
H
A
T

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN CUKAI HARTA?

BAYAR PADA ATAU SEBELUM

- Penggal 1 : 28 Februari setiap tahun
- Penggal 2 : 31 Ogos setiap tahun
- NOTIS DENDA
- HARTA DISITA
- TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Sekiranya Masih Belum Menerima Bil,
Cetak Dan Bayar Bil Tuntutan Cukai
Harta Anda Di :

- **KAUNTER BAYARAN**
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Aras 2, Menara MPBP
- **JABATAN PENILAIAN DAN
PENGURUSAN HARTA**
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Menara MPBP

PEMBAYARAN CUKAI HARTA **JomPAY**



Biller Code : 75648
Ref-1 : No. Akaun Cukai Harta
Ref-2 : No. Telefon

LANGKAH 2

- Masukkan **Ref-1**: <No. Akaun Cukai Harta>
cth A10010311
- Masukkan **Ref-2**: <No. Telefon>
cth 0123456789
- Masukkan Jumlah Bayaran (**Pay Amount**)
- Pilih **Bayar (Pay)**

LANGKAH 1

PAY	TRANSFER	RELOAD
Pay From	Savings Account-i	
Pay To	JomPAY	Masukkan Biller Code : 75648 dan Press Enter
	75648	Press Enter
My Favorites	+ Add New Favorites	

Pay To JomPAY (75648)	
Ref-1	<input type="text"/>
Ref-2	<input type="text"/>
Pay Amount	<input type="text"/>
Effective Date	14 March, 2024
	<input type="checkbox"/> Set Recurring
<input type="checkbox"/> I hereby agree to the Terms and Conditions	
<input type="button" value="PAY"/>	

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	
JALAN PEJABAT, KAMPUS BATU PAHAT, Negeri Johor Darul Takzim	
TEL: 07-2414185 / 2411099 / 2410008 FAX: 07-4321184	
e-mail: info@mpbp.gov.my laman web: www.mpbp.gov.my	
BIL CUKAI HARTA PENGKAL KEDUA 2024	
NAMA DAN ALAMAT PEMILIK	NO AKUN (A10010311)



MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mpbp.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999